



PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIMPULAN BAHASA MELAYU TAHAP 1 SEKOLAH RENDAH: ANALISIS PRAGMATIK

(Moral Values Implementation in Teaching and Learning Process Malay Idioms in Level 1 Primary School: A Pragmatics Analysis)

Muhamad Khairul Anam Ishak¹, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad^{1*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: munaruzanna@ukm.edu.my

Received: 18 January 2021 • Accepted: 15 April 2021 • Published: 30 April 2021

Abstract

This study discusses the implementation of moral values in the National Education Philosophy (1996), through teaching and learning of Malay idioms that were retrieve from the Primary School Bahasa Melayu textbooks. This is a fully quantitative study of text analysis based on Primary School Bahasa Melayu Level 1 textbooks that have been published by Ministry of Education from 2016 until 2018. Overall, there are 19 idioms that have been found in these textbooks. Each idiom can be classified into six theme of moral values based on National Education Philosophy such as hardworking (6 frequencies, 31.58%), love (5 frequencies, 26.32%), independent (4 frequencies, 21.05%), respect (2 frequencies, 10.53%), simplicity (1 frequency, 5.26%) and gratitude (1 frequency, 5.26%). To analyze these idioms data, the researcher uses pragmatic analysis method from Relevances Theory by Sperber and Wilson (1986) and Bridging Cross Reference by Kempson (1986). This study proves that the use of idioms in teaching and learning process manages to implement positive values towards students in producing the perfect human resources in every aspect of life. In conclusion, the implementation of moral values through teaching and learning of idioms can be executed formally and informally by the teachers to students since primary school.

Keywords: *Idioms, textbooks, pragmatics analysis, moral values, learning and processes.*

Abstrak

Kajian ini membincangkan penerapan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) simpulan bahasa yang diambil daripada buku teks Bahasa


Melayu Sekolah Rendah. Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya berdasarkan analisis teks iaitu Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahap 1 yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2016 sehingga tahun 2018. Keseluruhannya, terdapat 19 simpulan bahasa yang telah dikesan dalam buku teks ini. Setiap simpulan bahasa ini dapat dikelaskan kepada nilai-nilai murni dalam FPK seperti kerajinan (6 kekerapan, 31.58%), kasih sayang (5 kekerapan, 26.32%), berdikari (4 kekerapan, 21.05%), hormat-menghormati (2 kekerapan, 10.53%), kesederhanaan (1 kekerapan, 5.26%) dan kesyukuran (1 kekerapan, 5.26%). Bagi menganalisis data simpulan bahasa ini, pengkaji memanfaatkan analisis pragmatik iaitu Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986). Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan simpulan bahasa dalam proses PdP mampu menerapkan nilai-nilai yang positif dalam diri pelajar sehingga mampu melahirkan modal insan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan. Kesimpulannya, penerapan nilai-nilai murni dalam PdP simpulan bahasa dapat diterapkan oleh guru kepada pelajar secara formal dan tidak formal di peringkat sekolah rendah lagi.

Kata kunci: Simpulan bahasa, buku teks, nilai-nilai murni, analisis pragmatik, proses pengajaran dan pembelajaran.

Cite as: Ishak, M.K.A., Wan Mohammad, W.M. (2021). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 4(1), 148-168.

PENGENALAN

Peribahasa merupakan salah satu penghasilan karya kreatif oleh masyarakat Melayu terdahulu (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad, 2011b). Perkembangan peribahasa telah disampaikan secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi. Menurut Muhammad Zaid Daud (2020), peribahasa telah digunakan oleh masyarakat Melayu sebagai alat berkomunikasi secara kiasan untuk memberi nasihat, menegur tingkah laku negatif, menyampaikan hasrat, memberi motivasi dan sebagainya. Penghasilan peribahasa berkaitan alam sekitar mempunyai hubung kait dengan budaya dan cara hidup masyarakat Melayu terdahulu tentang keunikan bahasa Melayu (Mohd Ridzuan, 2020). Berdasarkan *Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017), peribahasa Melayu dapat dipecahkan kepada enam bahagian iaitu:



Rajah 1: Pecahan peribahasa Melayu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017).


Walau bagaimanapun, sebagai batasan kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan dapatan kajian daripada simpulan bahasa. Menurut Mohd Tajuddin (2017), simpulan bahasa merupakan ungkapan yang lazimnya terdiri daripada rangkaian perkataan-perkataan ringkas yang mempunyai susun atur khusus yang membawa maksud yang tersirat. Menurut Muhammad Zaid (2018a), simpulan bahasa terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

1. Simpulan bahasa yang mempunyai makna yang berlainan. Contohnya, simpulan bahasa “ambil hati”. Makna pertama bagi simpulan bahasa ini adalah membuat sesuatu untuk menggembirakan orang lain dan makna keduanya adalah berasa tersinggung atau berasa agak marah.
2. Simpulan bahasa yang mempunyai makna yang sama. Contohnya, simpulan bahasa “besar hati” dan “suka hati”. Kedua-dua simpulan bahasa tersebut menjelaskan maksud perasaan gembira dan girang dalam hati.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, simpulan bahasa turut diajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan prauniversiti. Menurut Mohd Ridzuan (2020), aspek peribahasa seharusnya dianggap sama penting dengan aspek-aspek bahasa yang lain dalam proses pembelajaran bahasa Melayu. Pembelajaran simpulan bahasa merupakan salah satu aspek penting dalam kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar kerana ia terkandung dalam standard pembelajaran bahasa Melayu sekolah rendah (Harlina & Zamri, 2019). Oleh itu, pemahaman dan penguasaan simpulan bahasa dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar dalam aktiviti lisan dan penulisan menjadi lebih indah dan berkesan.

Proses PdP peribahasa bukan sahaja belajar mengenai makna tersirat dalam simpulan bahasa tetapi menghubungkan nilai-nilai yang terkandung dalam bahasa dapat membina tingkah laku, sikap, pemikiran dan pegangan yang membentuk nilai dalam diri seseorang manusia. Menurut Mohamad Khairi (2014), sistem pendidikan di Malaysia amat mementingkan aspek penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar. Pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam kurikulum bahasa Melayu menggalakkan guru-guru melaksanakan pengajaran menggunakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (KPM, 2012). Semua guru berperanan dalam menyemai elemen nilai murni seperti yang terkandung Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Penerapan kesemua nilai murni tersebut diharapkan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kekuatan daya tahan fizikal yang tinggi, keupayaan mental yang cerdas, kestabilan emosi dan kemantapan rohani yang utuh berdasarkan pegangan agama yang dianuti.

Menurut Robiah (2011), Jawatan Kuasa Pendidikan Akhlak di bawah KPM ditubuhkan pada tahun 1976 telah meneliti nilai-nilai murni yang terhasil daripada pelbagai agama yang ada di negara ini. Melalui maklum balas yang diterima oleh kementerian tersebut, KPM telah menggariskan 16 nilai-nilai murni. Nilai murni ini perlu diserapkan dan diajar kepada semua pelajar dalam membentuk pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari semua aspek kemanusiaan. Berikut merupakan nilai-nilai murni yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) (rujuk Rajah 2). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan penerapan nilai-nilai murni yang telah digariskan oleh KPM berdasarkan simpulan bahasa yang telah diajar di dalam buku teks Bahasa Melayu Tahap 1. Dalam masa yang sama bagi menganalisis data simpulan bahasa ini pengkaji menggunakan analisis pragmatik iaitu Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1984).



Rajah 2: Elemen Nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996).

Pada bahagian ini pengkaji akan menyoroti kajian mengenai peribahasa Melayu, proses pengajaran dan pembelajaran serta kajian buku teks. Pengkaji akan melihat hasil kajian daripada sarjana dalam dan luar negara. Pelbagai pendekatan yang telah digunakan oleh pengkaji yang lepas dalam menganalisis peribahasa. Contohnya, dalam kajian semantik inkuisitif (Muhammad Zaid, 2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2018d; 2020; Muhammad Zaid & Mary Fatimah, 2019a; 2019b; 2019c; 2019d; 2021; Tangaprabu & Mary Fatimah, 2018a; 2018b; 2019; 2020; Tangaprabu et. al., 2019a; 2019b; 2019c; Mary Fatimah & Mohd Ridzuan, 2019, Siti Elmira et al., 2021), dalam kajian pragmatik (Ahmad Fuad & Zaitul Azma, 2010; Panji Setyo Wiguno, 2017; Rosita Fatma, 2018; Hilda Khoirun Nisa, et. al, 2020; Benny Mega Wati & Ulil Amri, 2020) dan dalam kajian sosiolinguistik (Muhammad Zaid et al., 2018, Bernardus, 2017; Andi Fajar, 2020; Suhainee Sa-ah, 2020).

Bagi kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan peribahasa Melayu terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Dalam konteks PdP topik peribahasa, guru sepatutnya tidak menggalakkan pelajar untuk menghafal sesuatu peribahasa dan makna sahaja, sebaliknya pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai rangsangan agar dapat menggunakan peribahasa dalam pelbagai situasi dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang menarik (Mohd Ridzuan, 2020). Antara kajian yang telah dilakukan dalam PdP peribahasa seperti Hamsiah Juki dan Che Ibrahim (2017). Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti pengetahuan dan penguasaan peribahasa terhadap 40 orang pelajar Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Dapatan kajian, menunjukkan penguasaan peribahasa pelajar berada di tahap yang sangat rendah dan pelajar tidak berminat untuk mempelajari peribahasa. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan teknik latihan tubi dan kaedah berpusatkan pelajar telah membantu meningkatkan 70% penggunaan peribahasa dalam penulisan. Kajian tersebut telah mencadangkan agar guru mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta teknik yang bersesuaian seperti teknik bercerita, teknik soal jawab dan teknik penerokaan untuk memupuk minat serta sikap untuk mempelajari peribahasa Melayu.

Selain itu, Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah (2018) pula, mencadangkan kaedah bermain untuk menguasai peribahasa dan makna. Permainan pisah dan cantum (PISATUM) digunakan sebagai pendekatan membantu pelajar mempelajari peribahasa secara berkesan. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan reka bentuk

kajian tindakan terhadap 41 orang pelajar Tingkatan 1 dan menggunakan 40 data peribahasa yang terkandung dalam sukatan pelajaran Tingkatan 1 hingga 5. Hasil kajian mendapati pengaplikasian pendekatan bermain dapat meningkatkan 93% markah latihan pelajar selepas intervensi dilaksanakan. Pendekatan ini telah menepati aspek pembelajaran abad Ke-21 iaitu kritikal, komunikasi, kolaboratif, kreatif serta inovasi dalam menguasai topik peribahasa dan maknanya dengan lebih berkesan.

Di samping itu, pengkaji menggunakan data buku teks sebagai instrumen kajian. Buku teks merupakan bahan rujukan yang rasmi bagi pelajar dan merupakan sumber utama guru dalam melaksanakan proses PdP yang digubal berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan. Kepentingan terhadap buku teks telah mendorong ramai pengkaji lampau untuk membuat penelitian terhadap penggunaan buku teks di sekolah. Terdapat juga kajian lepas yang menggunakan buku teks sebagai instrumen kajian seperti (Martin, 2017; Wilson, 2018; Nurul Hasna et. al. 2019; Adenan et al., 2019; Silvia Marni, 2020; Siti Farida et al., 2020; Hatipoğlu, & Daşkın, 2020). Buku Teks bahasa Melayu juga dilihat mempunyai sumber data berkaitan peribahasa. Contohnya Mohd Mahzan Awang et al. (2015), telah menjalankan kajian analisis peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 dan 5. Hasil kajian mendapati terdapat elemen perpaduan terhadap 14 peribahasa Melayu yang dikaji dan sesuai dijadikan medium dalam membentuk perpaduan kaum di negara ini. Analisis terhadap peribahasa tersebut menjelaskan keupayaan peribahasa dalam menerapkan konsep perpaduan terhadap masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Kesemua peribahasa tersebut menitikberatkan nilai kerjasama, keamanan dan kesejahteraan hidup sebagai teras kehidupan yang harmoni. Pengkaji juga menjelaskan kebolehan pelajar dalam memahami akal budi masyarakat Melayu serta menghayati nilai-nilai perpaduan yang terdapat melalui peribahasa menyumbang kepada pengeratan hubungan antara kaum di sekolah.

Seterusnya, Mohd Haidi (2016), pula telah meneliti pengungkapan peribahasa Melayu dan fungsi peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah tahap dua. Kajian tersebut telah menganalisis teks peribahasa menggunakan teknik bertema yang melibatkan tiga proses iaitu penyenaraian peribahasa, mentafsirkan makna peribahasa dan penentuan tema. Pengkaji menjelaskan terdapat 10 peribahasa yang mempunyai nilai yang baik seperti nilai sayang akan negara, kasih sayang, berani dan hemah tinggi yang mampu menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam diri pelajar. Nilai patriotisme yang terkandung dalam peribahasa tersebut melambang akal budi masyarakat Melayu dahulu dalam usaha menyemai semangat cinta akan negara, sayang kepada warisan negara, patuh kepada undang-undang dan berani untuk mempertahankan. Oleh itu, pengkaji berpendapat pembelajaran peribahasa penting kepada pelajar dalam menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam diri mereka bermula di peringkat sekolah rendah lagi. Oleh itu, berikut merupakan objektif kajian ini:


- a) Mengenal pasti dan mengelaskan simpulan bahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah Tahap 1 berpandukan elemen nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996).
- b) Menganalisis simpulan bahasa berdasarkan analisis pragmatik iaitu Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1984).

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahap Satu (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) yang diterbitkan Kementerian Pendidikan Malaysia 2016, 2017 dan 2018. Data simpulan bahasa dikelaskan menggunakan teknik bertema dengan melibatkan penyenaraian simpulan bahasa yang terkandung dalam kesemua

buku teks yang dikaji. Pengekoden tema berpandukan elemen nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996) dengan melihat maksud dan kesesuaian tema. Setelah itu, satu data dari setiap kategori simpulan bahasa berdasarkan tema dipilih untuk dianalisis dengan menggunakan pendekatan pragmatik iaitu Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) dan Rangka Rujuk Silang (RSS) oleh Kempson (1986).

Kajian ini menggunakan TR dan RRS yang dapat membantu menginterpretasikan makna implisit dalam simpulan bahasa. Berikut merupakan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini:



Rajah 3: Kerangka Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson dan Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986).

Prosedur menganalisis data simpulan bahasa akan dilaksanakan seperti Rajah 3. Pada peringkat pertama, pengkaji memilih data simpulan bahasa yang terdapat Buku Teks Bahasa Melayu. Simpulan bahasa yang akan digunakan sebagai data adalah berdasarkan tema nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Setiap ayat yang mengandungi simpulan bahasa akan dipilih menjadi data kajian dan akan dianalisis pada peringkat seterusnya. Data ini kemudiannya, dianalisis secara tersurat bagi mendapatkan makna logik bagi menimbulkan kesan konteks dalam diri pelajar. Kesan konteks yang wujud ditambah dengan pengetahuan sedia ada pelajar akan mewujudkan kesan kognitif bagi menghasilkan pelbagai andaian konteks.

Data seterusnya akan dianalisis pula secara tersirat bagi mentafsirkan makna. Kesan kognitif yang wujud bagi setiap data dapat memberi makna tersirat terhadap data yang dianalisis. Berdasarkan pengetahuan dan pengalaman, pelajar mampu mentafsirkan makna simpulan bahasa dalam data yang dikaji. Seterusnya, pengkaji akan membuat kesimpulan makna tersirat bagi data yang telah dianalisis bagi mendapatkan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang berdasarkan ayat contoh yang telah dikaji oleh pengkaji. Berdasarkan Teori Relevans, jika kesan kognitif tinggi, maka secara tidak langsung usaha memproses menjadi rendah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, jika kesan konteks tinggi dan usaha memproses rendah maka, setiap ujaran menjadi semakin relevan (Srikandi Saemah & Mary Fatimah, 2020a).

Sejumlah 19 data simpulan bahasa yang terdapat dalam himpunan Buku Teks Bahasa Melayu telah dikenal pasti. Berikut merupakan contoh data simpulan bahasa berpandukan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Walau bagaimanapun, kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, jadi satu ke enam data simpulan bahasa dianalisis sudah memadai asalkan memenuhi keperluan objektif kajian. Oleh itu, berdasarkan Jadual 1 hanya simpulan bahasa yang diwarnai akan dijadikan sampel kajian.

Jadual 1: Simpulan bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan berserta nilai-nilai murni.

Bil.	Simpulan Bahasa	Maksud	Tema	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Mandi peluh	Basah dengan peluh	Kerajinan	6	31.58%
2.	Hangat-hangat tahi ayam	Minat atau usaha yang tidak berpanjangan			
3.	Ada Bakat	Mempunyai kebolehan			
4.	Dalam tangan	Sesuatu yang pasti akan dimiliki			
5.	Otak cair	Pandai			
6.	Panjang akal	Cerdik			
7.	Mengambil hati	Membuat sesuatu untuk menggemirakan orang lain	Kasih Sayang	5	26.32%
8.	Anak emas	Orang yang sangat disayangi			
9.	Baik hati	Bersikap baik dan penyayang			
10.	Buah hati	Orang yang dikasihi			
11.	Ringan tulang	Suka menolong			
12.	Titik Peluh	Hasil usaha sendiri			
13.	Cari jalan	Berusaha menyelesaikan sesuatu perkara	Berdikari	4	21.05%
14.	Hati waja	Bersemangat tinggi			
15.	Bulat hati	Pendirian yang tetap			
16.	Air muka	wajah	Hormat-menghormati	2	10.53%
17.	Ayam tambatan	Orang harapan dalam pasukan permainan			
18.	Ada hati	Ada keinginan	Kesederhanaan	1	5.26%
19.	Besar hati	Gembira	Kesyukuran	1	5.26%
Jumlah				19	100%

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis data simpulan bahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahap Satu yang dibantu dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RSS) oleh Kempson (1986) dan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) supaya penutur atau guru dapat menjelaskan makna tersirat dalam simpulan bahasa kepada pendengar iaitu pelajar dengan nilai-nilai murni seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996).

Beberapa proses dalam menganalisis simpulan bahasa tersebut. Pertama, pengkaji akan menghuraikan makna bagi sesuatu simpulan bahasa mengikut kamus. Seterusnya, pengkaji akan mengenal pasti Rangka Rujuk

Silang yang berkaitan. Akhir sekali, pengkaji akan menganalisis menggunakan Teori Relevans daripada segi konteks, kesan kognitif dan usaha memproses.

Penerapan Nilai Murni Kerajinan dalam PdP Simpulan Bahasa “Mandi Peluh”

Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), makna simpulan bahasa *mandi peluh* ialah basah dengan peluh. Simpulan bahasa ini dikategorikan di bawah tema nilai kerajinan. Leksikal *mandi* bermaksud perbuatan membersihkan seluruh anggota tubuh yang biasanya menggunakan air dan sabun. Manakala, *peluh* pula merupakan air yang keluar daripada liang-liang roma disebabkan melakukan aktiviti yang banyak menggunakan tenaga (Kamus Dewan Perdana, 2020). Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pelajar memerlukan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan maklumat rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar berdasarkan ayat yang mengandungi simpulan bahasa *mandi peluh*. Oleh itu, untuk memahami maksud simpulan bahasa *mandi peluh*, pelajar memerlukan proses tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS.

Mulai hari itu, Abang Fadil melatih Nazri. Mereka ****mandi peluh**** di padang.

(Sumber: Buku Teks Tahun 1, 2016)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna sebenar pada tahap yang unggul. Simpulan bahasa *mandi peluh* ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk merujuk kepada seseorang yang mengerjakan sesuatu aktiviti yang berterusan sehinggakan tubuh badan mengeluarkan peluh yang banyak.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi menginterpretasikan ayat, pelajar perlu memiliki beberapa maklumat rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum (Srikandi Saemah & Mary Fatimah, 2020a, 2020b). Oleh itu, pelajar secara tidak langsung akan memahami simpulan bahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebalik simpulan bahasa tersebut, namun dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan pelajar dapat membentuk andaian berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Abang Fadil melatih Nazri setiap hari di padang.
2. Melakukan aktiviti latihan banyak menggunakan tenaga akan menyebabkan tubuh berpeluh.
3. Cuaca yang panas di padang juga menyebabkan tubuh badan mengeluarkan peluh.

Andaian ini dibentuk dengan berdasarkan maklumat tambahan atau anteseden *mulai hari itu*, *melatih*, dan *di padang* yang terdapat pada bahagian pertama dan kedua ayat. Leksikal *melatih* secara tidak langsung mengakibatkan pelajar menghubungkan pengalaman hidup dengan aktiviti sukan yang boleh menyebabkan badan berpeluh dan leksikal *di padang* dapat memberi gambaran cuaca panas dan suhu yang tinggi ketika berada di padang.

Analisis Relevans

Hasil daripada RRS yang dibina oleh pelajar mahupun guru berdasarkan pengetahuan ataupun pengalaman sedia ada, pelajar boleh mentafsir makna simpulan bahasa *mandi peluh* dengan lebih mudah. Sehubungan dengan itu, hal ini selanjutnya akan memberi kesan kognitif yang tinggi di mana pelajar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa tersebut (Nurul Aida & Muhammad Zaid, 2020). Daripada segi usaha memproses secara tidak langsung menjadi rendah kerana pelajar mampu menginterpretasikan makna simpulan

bahasa tersebut dengan lebih mudah dengan adanya kesan kognitif yang tinggi. Oleh itu, pelajar tidak susah untuk mentafsir maksud *mandi peluh* membawa maksud basah dengan peluh. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan, pelajar boleh membuat andaian bahawa, Abang Fadil dan Nazri berlatih di padang menyebabkan tubuh mereka mengeluarkan peluh. Melalui RRS, *mandi peluh* dapat dikaitkan dengan aktiviti berlatih di padang akan menyebabkan tubuh badan mengeluarkan peluh yang banyak sehinggakan badan mereka basah. Hal ini tidak ubah seperti mandi dengan menggunakan air peluh. Andaian yang dibentuk oleh pelajar ini akan meninggalkan kesan kognitif yang tinggi kepada pelajar berkenaan dengan makna simpulan bahasa tersebut.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa *mandi peluh* yang terdapat dalam Data 1 telah dikenal pasti memancarkan nilai murni kerajinan. Melalui Data 1, Nazri telah berlatih bersama abang Fadil setiap hari di padang sehinggakan mereka berdua bermandi peluh. Hal ini dapat menjelaskan sifat kerajinan yang digariskan dalam nilai-nilai murni Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Oleh itu, pelajar dapat mencontohi sikap Nazri dan abang Fadil yang melakukan latihan secara berterusan sehingga dia menguasai sesuatu kemahiran. Simpulan bahasa ini jelas digarap oleh KPM dalam menerapkan nilai murni kerajinan. Nilai murni kerajinan bermaksud satu usaha yang berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan dan kegigihan dalam melakukan sesuatu perkara untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan (Haslindar, 2019). Selain itu, kerajinan juga merujuk kepada seseorang yang rela mengorbankan masa dan tenaga untuk perkara yang berfaedah. Hal ini dibuktikan oleh Nazri yang rajin berlatih bersama Abang Fadil di padang setiap hari untuk meningkatkan kemahiran asas untuk bermain bola sepak. Untuk menjadi seorang pemain bola sepak, perlulah sikap rajin berlatih untuk membina kecergasan yang tinggi, ketahanan diri dari segi mental dan fizikal supaya dapat menjadi pemain yang hebat. Simpulan bahasa ini mampu menerapkan nilai murni kerajinan iaitu seseorang yang ingin berjaya dalam sesuatu bidang mestilah rajin berusaha sehingga berjaya.

Penerapan Nilai Murni Kasih Sayang dalam PdP Simpulan Bahasa “Mengambil Hati”

Terdapat dua makna simpulan bahasa *mengambil hati*, iaitu berasa tersinggung dan melakukan sesuatu untuk menggembirakan seseorang (Kamus Dewan Perdana, 2020). Simpulan bahasa *mengambil hati* dikategorikan di bawah nilai kasih sayang. Leksikal *mengambil* bermaksud memegang atau mengangkat sesuatu. Manakala, leksikal *hati* pula bermaksud organ yang terletak di bahagian perut dalam badan manusia atau binatang vertebrata yang berfungsi untuk merembeskan hempedu ke dalam saluran makanan, mengawasi paras gula dalam darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea serta tempat untuk menyimpan glikogen dalam tubuh.

Selain itu, leksikal *hati* juga bermaksud tempat menyimpan perasaan, keinginan, anggapan dan sebagainya dalam diri seseorang (Kamus Dewan Perdana, 2020). Untuk mengetahui tafsiran makna yang paling sesuai dengan konteks simpulan bahasa *mengambil hati*, pelajar perlu mempunyai pengetahuan sedia ada, pengalaman dan rujukan bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar dan sesuai digunakan untuk mentafsir maksud yang ingin disampaikan oleh guru berdasarkan ayat tersebut. Oleh itu, untuk memahami maksud simpulan bahasa *mengambil hati*, pelajar memerlukan proses tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS.

Ibu, ayah dan Nasri ****mengambil hati**** Nabila. Mereka mahu Nabila terus berusaha.

(Sumber: Buku Teks Tahun 3 Jilid 1, 2018)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna sebenar pada tahap yang relevan. Simpulan bahasa *mengambil hati* kebiasaannya digunakan untuk merujuk sesuatu perbuatan untuk menggembirakan perasaan orang lain.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Untuk memahami makna sebenar simpulan bahasa *mengambil hati*, pelajar perlu mempunyai rujukan daripada pengalaman dan pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Pelajar dapat memahami makna *mengambil hati* secara tidak langsung walaupun tidak mengetahui makna di sebalik simpulan bahasa tersebut dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan dalam contoh ayat yang diberikan. Oleh itu, andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pelajar berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Ibu, ayah dan Nasri memujuk Nabila untuk terus berusaha.
2. Mereka memberikan motivasi dan kata-kata semangat kepada Nabila.
3. Keluarganya mahu dia sentiasa berusaha dan tidak mudah berputus asa.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden *mereka mahu* dan *terus berusaha* memujuk kepada ahli keluarga Nabila iaitu ayah, ibu dan Nasri memberikan dorongan dan motivasi untuk memujuk Nabila supaya dia terus berusaha dan tidak mudah putus asa dalam melakukan sesuatu perkara.

Analisis Relevans

Berdasarkan RRS yang telah dibina oleh pelajar mahupun guru berdasarkan pengetahuan sedia ada, mereka dapat mentafsirkan makna implisit dengan lebih mudah (Suzieyiana & Muhammad Zaid, 2020). Sehubungan dengan itu, hal ini selanjutnya akan memberikan kesan kognitif yang tinggi kepada pelajar kerana mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa ini. Daripada segi usaha memproses secara tidak langsung menjadi rendah kerana pelajar mampu menginterpretasikan makna simpulan bahasa tersebut dengan lebih mudah dengan adanya kesan kognitif yang tinggi. Berdasarkan contoh ayat, pelajar boleh membuat andaian mengaitkan perlakuan semua ahli keluarga mahu Nabila agar tetap berusaha. Melalui RSS, *mengambil hati* dapat dikaitkan dengan perlakuan ahli keluarga Nabila. Mereka berusaha untuk menggembirakan hati orang lain dengan cara memberikan sokongan agar orang tersebut tidak berputus asa.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa *mengambil hati* yang terdapat dalam Data 2 memancarkan nilai murni kasih sayang seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Berdasarkan contoh ayat yang dinyatakan ibu, ayah dan Nasri telah menunjukkan perasaan kasih sayang mereka kepada Nabila dengan mengambil hati anaknya itu dengan membuat sesuatu yang dapat menggembirakannya. Nilai murni kasih sayang merupakan perasaan atau emosi seseorang terhadap orang lain yang perlu dipupuk dalam kalangan pelajar sejak dari sekolah rendah lagi. Nilai kasih sayang juga adalah perasaan belas kasihan terhadap orang sekeliling dan berusaha untuk membantu meringankan tekanan yang dihadapi oleh orang lain. Perasaan ini lahir daripada hati yang rela tanpa sebarang unsur paksaan dan kepentingan peribadi (Haslindar, 2019). Hal ini dapat dibuktikan oleh semua ahli keluarga Nabila yang sayang akan dirinya. Perasaan kasih sayang antara satu sama lain dengan ahli keluarga menjadikan hubungan kekeluargaan semakin erat. Ibu, ayah dan abang Nabila sentiasa memberikan dorongan dan motivasi kepada Nabila agar dapat meringankan tekanan yang dihadapinya. Mereka mahu Nabila gembira dan tidak mudah berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara sehingga mencapai kejayaan. Jelas simpulan bahasa *mengambil hati* ini dapat menerapkan nilai murni kasih sayang iaitu setiap orang perlulah mempunyai perasaan kasih dan sayang terhadap semua orang terutamanya dalam kalangan ahli keluarga agar dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan agar berkekalan selamanya.

Penerapan Nilai Murni Hasil Usaha Sendiri dalam PdP Simpulan Bahasa “Titik Peluh”

Simpulan bahasa *titik peluh* bermaksud hasil kerja keras atau usaha yang sendiri (Kamus Dewan Perdana, 2020). Simpulan bahasa ini telah dikategorikan di bawah nilai berdikari. Leksikal *titik* bermaksud butiran atau derai air. Manakala, *peluh* bermaksud, air yang keluar daripada liang-liang roma disebabkan kepanasan atau ketika melakukan kerja-kerja yang menggunakan banyak tenaga (Kamus Dewan Perdana, 2020). Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pendengar mahupun pelajar memerlukan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan maklumat rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar. Oleh itu, untuk memahami maksud simpulan bahasa tersebut, pelajar memerlukan proses tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS.

Amin dan Arif mempunyai kebun lobak yang luas. Mereka membekalkan lobak kepada peniaga-peniaga lain. “Subur sungguh tanaman hasil *****titik peluh***** kamu berdua,” puji Encik Husin.

(Sumber: Buku Teks Tahun 3, Jilid 1, 2018)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna yang sebenar pada tahap yang unggul. Simpulan bahasa ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk merujuk kepada kerja keras atau usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan sesuatu perkara.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memahami makna sebenar simpulan bahasa *titik peluk*, pelajar perlu mempunyai beberapa maklumat yang berupaya menjadi rujukan pelajar yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Pelajar secara tidak langsung akan memahami simpulan bahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebalik simpulan bahasa tersebut dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan. Jadi, andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pelajar berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Amin dan Arif merupakan seorang petani.
2. Hasil tanaman mereka dijual kepada peniaga.
2. Tanaman lobak mereka sangat subur.
3. Mereka berdua sahaja yang mengusahakan kebun tersebut.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden *kebun lobak yang luas*, *subur*, *membekalkan lobak kepada peniaga-peniaga* dan *kamu berdua*. Oleh itu, simpulan bahasa *titik peluh* dikaitkan dengan hasil kerja keras atau usaha yang dilakukan tanpa pertolongan orang lain oleh pelajar.

Analisis Relevans

Dengan RRS yang dibina oleh pelajar mahupun guru berdasarkan pengetahuan ataupun pengalaman sedia ada, pelajar boleh mentafsir makna simpulan bahasa titik peluh dengan mudah. Sehubungan dengan itu, hal ini selanjutnya akan memberi kesan kognitif yang tinggi di mana pendengar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa tersebut. Daripada segi usaha memproses secara tidak langsung menjadi rendah kerana pelajar mampu menginterpretasikan makna simpulan bahasa dengan lebih mudah dengan adanya kesan kognitif yang tinggi. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan, pelajar boleh membuat andaian bahawa, Amin dan Arif merupakan petani yang menjalankan aktiviti bercucuk tanam lobak di atas tanah kebun yang luas. Melalui

RRS, leksikal *subur* dapat dikaitkan dengan hasil usaha mereka berdua iaitu Amin dan Arif yang menjalankan aktiviti tersebut. Hal ini dapat membolehkan pelajar mengaitkan tentang maksud simpulan bahasa *titik peluh* iaitu hasil kerja keras mereka berdua yang bersungguh-sungguh dalam mengusahakan tanah kebun yang luas untuk aktiviti penanaman lobak sehingga berjaya mengeluarkan hasil yang subur tanpa mengharapkan bantuan orang lain.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa *titik peluh* yang terdapat dalam Data 3 telah dikenal pasti dapat menerapkan nilai murni berdikari yang digariskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Melalui data tersebut, pelajar dapat mencontohi sikap Amin dan Arif yang telah berjaya dengan kerja keras dan titik peluh mereka sendiri tanpa meminta bantuan orang lain sehingga mereka berjaya mengeluarkan hasil tanaman yang banyak dan subur. Sikap berdikari bermaksud berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharapkan pertolongan sesiapa yang lahir daripada perasaan yakin kepada diri sendiri dan berani bertindak melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya mencapai sesuatu matlamat (Haslindar, 2019).

Sikap yang ditunjukkan oleh mereka berdua menggambarkan tentang kesungguhan, ketekunan dan kesabaran dalam mengharungi segala kesusahan dan cabaran dalam mengusahakan kebun tersebut sehingga berjaya mengeluarkan hasil. Oleh itu, simpulan bahasa ini mampu menerapkan nilai murni berdikari. Sebagai seorang pelajar, seharusnya mempunyai sikap berdikari dalam segala hal seperti belajar tanpa arahan, menyempurnakan tugas tanpa penyeliaan guru dan yakin kepada diri sendiri dalam menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain.

Penerapan Nilai Murni Hormat Menghormati dalam PdP Simpulan Bahasa “Air Muka”

Simpulan bahasa *air muka* mempunyai dua makna. Makna yang pertama ialah rupa atau wajah seseorang dan makna yang kedua ialah maruah atau harga diri (Kamus Dewan Perdana, 2020). Simpulan bahasa ini dikategorikan dalam nilai hormat-menghormati. Leksikal *air* bermaksud cecair yang tidak mempunyai warna, bau atau rasa yang menjadi keperluan asas untuk hidup kepada haiwan dan tumbuhan, serta digunakan untuk pelbagai tujuan lain dan leksikal *muka* pula bermaksud bahagian hadapan kepala dari anak rambut hingga ke dagu (Kamus Dewan Perdana, 2020).

Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pelajar mahupun guru memerlukan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan maklumat rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar tentang simpulan bahasa *air muka*. Oleh itu, untuk memahami maksud simpulan bahasa tersebut, pelajar perlu melakukan tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS.

****Air muka**** Nabila sungguh ceria. Ibu dan ayah mengucapkan tahniah kepada Nasri dan Nabila.



(Sumber: Buku Teks Tahun 3 Jilid 1, 2018)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna sebenar pada tahap yang tinggi. Simpulan bahasa ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk menggambarkan sesuatu perasaan seperti gembira, sedih, takut, marah dan sebagainya berdasarkan raut wajah mereka (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memahami makna sebenar simpulan bahasa tersebut, pelajar perlu mempunyai beberapa maklumat rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Oleh itu, andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pelajar berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Nabila kelihatan gembira.
2. Ibu dan ayah memberikan penghargaan kepada dia dan abangnya.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden *ceria* dan *tahniah*. Leksikal *ceria* telah menjelaskan situasi Nabila dalam keadaan riang dan gembira. Selain itu, leksikal *tahniah* telah menggambarkan ucapan penghargaan ke atas sesuatu kejayaan atau pencapaian.

Analisis Relevans

Berdasarkan RRS yang dibina oleh pelajar berdasarkan pengalaman dan pengetahuan pelajar, pelajar boleh mentafsir makna simpulan bahasa air muka dengan lebih mudah. Sehubungan dengan itu, hal ini selanjutnya akan memberi kesan kognitif yang tinggi di mana pelajar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa tersebut. Dari segi usaha memproses secara tidak langsung menjadi lebih mudah dan adanya kesan kognitif yang tinggi. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan, pelajar boleh membuat andaian bahawa muka merupakan tempat terhasilnya luahan perasaan yang menandakan ada sesuatu yang terkandung di dalam hati. Melalui RRS, imej perlambangan *muka* telah dikaitkan dengan perasaan Nabila yang sedang suka dan gembira apabila diberikan oleh penghargaan dan pujian oleh kedua orang tuanya kerana dia dan abangnya telah sama-sama berjaya. Andaian yang dibentuk oleh pelajar ini meninggalkan kesan kognitif yang tinggi dan merendahkan usaha memproses pelajar dalam mencari makna simpulan bahasa *air muka*.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa *air muka* yang terdapat dalam Data 4 telah dikenal pasti memancarkan nilai murni hormat-menghormati seperti yang digariskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Melalui data tersebut, air muka Nabila kelihatan ceria kerana dipuji oleh ayah dan ibunya. Hal ini dapat menjelaskan sifat hormat kedua orang tuanya terhadap usaha yang telah dilakukan oleh Nabila. Oleh itu, perkara sebeginilah dapat diterapkan dalam diri pelajar semasa mempelajari simpulan bahasa ini. Nilai hormat ini merujuk kepada perbuatan memberikan layanan yang baik seperti berlaku sopan dalam setiap tingkah laku dan tidak merendahkan orang lain (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011).

Nilai hormat ini telah diketengahkan oleh KPM melalui perlakuan ibu bapa Nabila yang menghormati perasaan Nabila dengan memberikan ucapan penghargaan dan pujian apabila dia dan abangnya telah sama-sama berjaya dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Sifat menghormati antara satu sama lain dalam ahli keluarga ini telah dapat menggembirakan Nabila dan menjadi motivasi kepadanya untuk terus berusaha untuk mencapai kejayaan. Ucapan penghargaan dan kata-kata pujian yang baik merupakan satu tindakan yang mulia dalam menghormati segala kelebihan dan kekurangan orang lain dalam melakukan sesuatu perkara (Muhammad Zaid, Mohammad Shahrul Nizam, & Remmy, 2017, 2018). Oleh itu, simpulan bahasa ini mampu menerapkan nilai hormat dalam diri pelajar untuk sentiasa hormat-menghormati antara satu sama lain seperti ibu bapa, ahli keluarga, guru, rakan, dan orang lain tanpa memandang rendah terhadap sesuatu usaha dan tindakan mereka untuk melahirkan suasana kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni.

Penerapan Nilai Murni Kesederhanaan dalam PdP Simpulan Bahasa “Ada Hati”

Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), simpulan bahasa *ada hati* bermaksud mempunyai keinginan untuk

melakukan sesuatu perkara. Simpulan bahasa tersebut telah dikategorikan di bawah nilai murni kesederhanaan. Jika diteliti leksikal *ada* bermaksud sudah tersedia, wujud serta dapat dilihat, manakala leksikal *hati* pula merupakan organ yang terletak di bahagian perut dalam badan manusia atau binatang vertebrata yang berfungsi untuk merembeskan hempedu ke dalam saluran makanan, mengawasi paras kandungan gula dalam darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea dan tempat simpanan glikogen dalam tubuh. Selain itu, leksikal *hati* juga bermaksud tempat menyimpan perasaan, keinginan, anggapan dan sebagainya dalam diri seseorang (Kamus Dewan Perdana, 2020). Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pelajar mahupun guru memerlukan pengetahuan, pengalaman dan rujukan bagi memudahkan interpretasi makna simpulan bahasa *ada hati*. Untuk memahami maksud simpulan bahasa tersebut, pelajar perlu melakukan tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS.

“Terima kasih kerana baik hati melatih saya. Sekarang, saya *****ada hati***** untuk menjadi pemain bola sepak yang terkenal,” kata Nazri.

(Sumber: Buku teks Tahun 1, 2017)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna sebenar pada tahap yang optimum. Simpulan bahasa ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk merujuk kepada seseorang yang mempunyai keinginan dan cita-cita yang tinggi untuk melakukan sesuatu perkara yang diminati (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016).

Analisis Rangka Rujuk Silang

Untuk memahami makna sebenar simpulan bahasa *ada hati*, pelajar perlu mempunyai beberapa maklumat rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Pelajar secara tidak langsung akan memahami simpulan bahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebalik simpulan bahasa tersebut dengan adanya rujukan atau maklumat tambahan yang diberikan. Oleh itu, andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pelajar berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Nazri berlatih bermain bola sepak.
2. Dia mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pemain bola sepak yang hebat.
3. Nazri ingin menjadi terkenal.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden *melatih*, *menjadi pemain bola sepak* dan *terkenal*. Leksikal *menjadi pemain bola* dan *terkenal* secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan makna simpulan bahasa *ada hati*. Oleh itu, pelajar dapat kaitkan simpulan bahasa ini dengan sikap berkeinginan untuk mendapatkan sesuatu.

Analisis Relevans

Dengan menggunakan RRS yang dibina oleh pelajar mahupun guru berdasarkan pengetahuan ataupun pengalaman sedia ada, pelajar boleh mentafsir makna simpulan bahasa *ada hati* dengan lebih mudah. Berdasarkan contoh ayat, pelajar boleh membuat andaian bahawa Nazri mempunyai keinginan untuk menjadi seorang pemain bola sepak yang terkenal suatu hari nanti apabila dia sering berlatih. Melalui RRS, anteseden *menjadi pemain bola sepak* dikaitkan dengan berkeinginan untuk menjadi terkenal. Hal ini tidak ubah seperti mempunyai cita-cita yang tinggi untuk mencapai sesuatu yang diinginkan. Andaian yang dibentuk oleh pelajar ini meninggalkan kesan kognitif yang

tinggi dan merendahkan usaha memproses pelajar untuk memahami makna simpulan bahasa *ada hati*.


Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa *ada hati* yang terdapat dalam Data 5 telah dikenal pasti memancarkan nilai murni kesederhanaan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Melalui data tersebut, Nazri ada hati untuk menjadi pemain bola sepak yang terkenal. Nazri tidak bercakap besar dan meninggi diri kerana dia sudah berlatih dengan bersungguh-sungguh dan berkemampuan untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan usaha yang telah dilakukannya. Hal ini dapat menjelaskan sifat kesederhanaan yang perlu dicontohi oleh pelajar kerana sikap Nazri yang bersederhana dalam bertutur dengan orang lain. Nilai ini merujuk kepada perlakuan yang tidak keterlaluan dalam membuat sebarang tindakan dan pertimbangan wajar yang dapat memuaskan diri sendiri dan orang lain (Haslindar, 2019). Hal ini termasuklah bercakap dan berkelakuan yang tidak melampaui batas serta menyinggung perasaan sesiapa atau menimbulkan kemarahan, cemburu dan rasa sakit hati pada orang lain. Jelas, simpulan bahasa ini dapat menerapkan nilai murni kesederhanaan dalam diri pelajar iaitu seseorang individu mestilah bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dalam melakukan sebarang tindakan seperti cara berfikir, bertutur, berpakaian, berbelanja tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain bersesuaian dengan norma masyarakat di negara ini.

Penerapan Nilai Murni Kesyukuran dalam PdP Simpulan Bahasa “Besar Hati”

Menurut Kamus Dewan Perdana (2020), simpulan bahasa *besar hati* bermaksud bangga atau gembira dengan sesuatu yang diperoleh. Simpulan bahasa ini telah dikategorikan di bawah nilai murni kesyukuran. Leksikal *besar* bermaksud tidak kecil dari segi ukuran (lebar, panjang, tinggi, luas) dan seperti yang dijelaskan dalam analisis sebelum ini maksud perkataan *hati* pula ialah organ yang terletak di bahagian perut manusia atau binatang vertebrata yang berfungsi untuk merembeskan hempedu ke dalam saluran makanan, mengawasi paras kandungan gula, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea dan sebagai tempat untuk menyimpan glikogen dalam tubuh.

Selain itu, leksikal *hati* juga bermaksud tempat menyimpan perasaan, keinginan, anggapan dan sebagainya dalam diri seseorang (Kamus Dewan Perdana, 2020). Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pelajar mahupun guru memerlukan pengetahuan sedia ada, pengalaman dan rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar. Oleh itu, pelajar perlu melakukan tafsiran pragmatik dengan menggunakan pendekatan RRS untuk memahami maksud simpulan bahasa tersebut.

Akhirnya, Nabila berjaya menyiapkan bangunannya. Dia berasa *****besar hati*****.



(Sumber: Buku Teks Tahun 3, Jilid 1, 2018)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, terdapat maklumat rujukan yang membantu pelajar mendapatkan perkaitan makna yang sebenar pada tahap yang unggul. Simpulan bahasa ini, kebiasaannya digunakan untuk merujuk kepada perasaan seseorang yang sedang bergembira ke atas sesuatu perkara.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Untuk memahami makna sebenar simpulan bahasa *besar hati*, pelajar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Pelajar secara tidak langsung akan memahami simpulan bahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebaliknya simpulan tersebut dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan. Jadi andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pelajar

berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Nabila akhirnya berjaya menyelesaikan tugas dalam menyiapkan bangunannya.
2. Dia girang dan sangat gembira setelah bangunan itu siap dibina.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden *berjaya*, *menyiapkan* dan *berasa* pada ayat pertama dan ayat kedua. Berdasarkan ketiga-tiga anteseden tersebut, pelajar telah dapat membina dua andaian yang secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan makna simpulan bahasa *besar hati*. Oleh itu, pelajar dapat mengaitkan simpulan bahasa ini dengan perasaan gembira setelah Nabila menyelesaikan tugasannya.

Analisis Relevans

Pelajar dapat memproses ayat tersebut dengan adanya bantuan anteseden dalam konteks ayat yang dinyatakan berdasarkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman untuk mentafsir makna simpulan bahasa *besar hati* dengan lebih mudah. Sehubungan dengan itu, hal ini selanjutnya akan memberi kesan kognitif yang tinggi di mana pelajar mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna simpulan bahasa tersebut. Daripada segi memproses secara tidak langsung menjadi rendah kerana pelajar mampu menginterpretasikan makna simpulan bahasa tersebut dengan lebih mudah dengan adanya kesan kognitif yang tinggi. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan, pelajar boleh membuat andaian bahawa Nabila berasa amat gembira dan bangga setelah berjaya menyelesaikan sesuatu perkara sehingga berjaya. Melalui RRS, imej perlambangan hati dikaitkan dengan tempat menyimpan segala perasaan, keinginan dan anggapan dalam diri seseorang. Hal ini tidak ubah seperti terdapat satu bahagian atau ruangan dalam hati yang telah dipenuhi dengan perasaan gembira yang terlampau. Andaian yang dibentuk oleh pelajar ini meninggalkan kesan kognitif yang tinggi kepada pelajar berkenaan dengan makna simpulan bahasa tersebut.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, simpulan bahasa besar hati yang terdapat dalam Data 6 telah dikenal pasti memancarkan nilai murni kesyukuran seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Melalui data tersebut, Nabila berasa besar hati setelah dia berjaya menyiapkan bangunan tersebut. Walaupun tidak sepantas abangnya Nazri, Nabila tetap bersyukur kerana dapat menyelesaikan tugas tersebut sehingga akhirnya. Hal ini dapat menjelaskan nilai kesyukuran yang digariskan dalam nilai-nilai murni Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dicontohi oleh semua pelajar. Oleh itu, pelajar harus mencontohi sikap Nabila yang sentiasa bersyukur apabila dia dapat menyelesaikan sesuatu masalah.

Nilai murni kesyukuran merujuk kepada perasaan dan perlakuan senang hati yang lahir secara ikhlas di atas segala kejayaan yang di kecapi. Menurut Haslinda Nor Ismail (2019), bersyukur membolehkan seseorang menghargai setiap nikmat dan kesenangan yang dikurniakan. Simpulan bahasa ini mampu menerapkan nilai murni kesyukuran kepada pelajar supaya sentiasa bersyukur atas setiap kelebihan dan kekurangan yang ada dalam diri, tidak berkeluh kesah terhadap setiap masalah yang dihadapi serta sentiasa mencari jalan untuk menyelesaikannya sehingga berjaya.

KESIMPULAN

Peribahasa merupakan salah satu warisan negara yang telah diwarisi daripada masyarakat dahulu kepada generasi masa kini. Peribahasa telah digunakan untuk memberikan nasihat, menyampaikan pesan, meluahkan perasaan, menyindir dan mengkritik secara berkias tanpa menyinggung hati seseorang ketika berkomunikasi. Penciptaan

peribahasa Melayu telah membuktikan ketinggian akal budi orang Melayu, baik dari segi pemikiran, falsafah mahupun daya cipta. Simpulan bahasa merupakan salah satu cabang dalam aspek peribahasa. Simpulan bahasa harus dipelajari oleh murid sekolah rendah melalui mata pelajaran Bahasa Melayu kerana ia terkandung dalam kurikulum pengajaran aspek kemahiran berbahasa. Simpulan bahasa mengandungi nilai, kepercayaan, keperibadian serta falsafah hidup yang tinggi. Oleh itu, penerokaan makna yang tersirat dalam simpulan bahasa mempunyai peranan yang penting yang dalam memupuk nilai-nilai murni kehidupan dalam kalangan pelajar di sekolah.

Penerapan nilai murni dalam diri pelajar melalui bidang pendidikan adalah sangat penting. Matlamat pendidikan di negara ini tidak akan berjaya tanpa berpandukan nilai-nilai positif. Akibat daripada masyarakat yang tidak mengamalkan nilai-nilai murni akan menyebabkan keruntuhan institusi keluarga, gejala sosial, tingkah laku yang negatif dan juga jenayah. Oleh itu, dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek perlulah diterapkan nilai-nilai murni seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Mohd Ridzuan, 2020). Terdapat 16 elemen nilai-nilai murni yang perlu diserapkan kepada semua pelajar di negara ini untuk membentuk pelajar seimbang dan menyeluruh dari segi kognitif, efektif, psikomotor dan akhlak. Penerapan nilai murni ini berlaku secara langsung dan tidak langsung di dalam bilik darjah. Oleh itu, guru memerlukan strategi penerapan nilai murni melalui perancangan guru sesuai dengan tajuk, contoh dan situasi pengajaran supaya dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk mengaitkan dalam pelbagai situasi dan membolehkan pelajar menerima serta mengamalkan nilai-nilai murni tersebut.

Analisis terhadap 19 data simpulan bahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahap Satu, menggunakan pendekatan pragmatik iaitu menggunakan teori yang berwibawa seperti Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang telah berjaya mengupas dan menerapkan elemen nilai-nilai murni dalam kurikulum pendidikan Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati, terdapat enam daripada 16 elemen nilai murni yang telah digarapkan oleh pengarang melalui simpulan bahasa yang dipelajari oleh pelajar untuk dihayati iaitu nilai kerajinan, nilai kasih-sayang, nilai berdikari, nilai hormat, nilai kesederhanaan dan nilai kesyukuran. Hal ini membuktikan, PdP simpulan bahasa mampu dan berupaya dalam menerapkan elemen nilai-nilai murni pendidikan seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Cadangan kajian lanjutan dalam menerapkan nilai murni adalah melalui dalam aspek peribahasa yang lain seperti perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmah dapat menjelaskan lagi elemen-elemen nilai-nilai murni yang lain. Ini adalah kerana kajian ini, hanya terhad dan hanya fokus kepada simpulan bahasa Melayu dalam buku teks Bahasa Melayu sekolah rendah sahaja. Kajian yang lebih menyeluruh juga perlu dilakukan dengan menggunakan pelbagai sumber lain seperti bahan sastera lain seperti sajak, pantun, syair dan gurindam agar dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam membentuk kemenjadian pelajar yang cemerlang sekali gus dapat meningkatkan kemahiran dan penguasaan berbahasa Melayu. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia membuat penambahan bilangan simpulan bahasa pada masa akan datang dalam penggubalan semula isi kandungan buku teks Bahasa Melayu yang baharu kerana bilangan simpulan bahasa yang terkandung dalam buku teks semasa adalah sangat sedikit.

RUJUKAN

Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, Mujaini Tarimin (2016). *Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berasaskan*

- Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)* [Conference session]. International Conference on Moslem Society 2016, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi.
- Silvia Marni, Muhammad Aliman, Emil Septia, & Ninit Alfianika. (2020). *Minangkabau proverb: Stimulating high school students' critical thinking and spatial thinking*. Scitepress.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Imej perlambangan "tangan" dalam simpulan bahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Ideology Journal*, 6(1).
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63
- Adenan, M. K., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2019). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). *Pengkategorian peribahasa Melayu berdasarkan aspek nilai dan pemikiran: Satu analisis pragmatik*. Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Penerapan pendidikan bersepadu di Politeknik*. [Tesis Sarjana, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn].
- Andi Fajar Awaluddin. (2020). Implementasi nilai-nilai dakwah santri melalui peribahasa Arab mahfudzat. *Al-Din: Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan*, 5(1), 138-151.
- Benny Mega Wati, Ulil Amri (2020). Peribahasa Negasi Minangkabau Di Nagari Batipuah Barua Kabupaten Tanah Datar. *Imlah: Islamic Manuscript of Linguistics and Humanity*, 2(1), 70-80.
- Bernardus Bura. (2017). Penggunaan leksem burung dalam peribahasa sikka: Kajian sosiolinguistik. *KEMBARA Journal of Scientific Language Literature and Teaching*, 2(1), 1-11.
- Beseknorliana Remeng, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2019, Desember 4-5). *Bidak banding dalam pembelajaran perbandingan semacam bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 1* [Conference session]. International Conference of Future Educations and Advances (ICOFEA), Miri, Sarawak.
- Hamsiah Juki, & Che Ibrahim Salleh. (2017). Penguasaan dalam kalangan murid sekolah kebangsaan. *Pertanika MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*, 4(2), 345-360.
- Harlina Mohd Ali, & Zamri Mahamod. (2019). Kit boneka peribahasa (BOSA) sebagai bahan dalam pembelajaran simpulan bahasa: Satu kajian tindakan. In Norsofiah Abu Bakar, Radiah Yusoff, Muhammad Zuhair Zainal, Wan Azni Wan Mohamad (Eds.), *Linguistik, Bahasa dan Pendidikan*. Universiti Sains Malaysia.
- Haslindar Nor Ismail. (2019). Interpretasi nilai murni berdasarkan peribahasa Melayu dalam novel-novel pilihan. [Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia].
- Hatipoğlu, Ç., & Daşkın, N. C. (2020). A proverb in need is a proverb indeed: Proverbs, textbooks and communicative language ability. *South African Journal of Education*, 40(1), 1-15.
- Hawiyah Baba. (2018). Nilai Melayu dalam bahasa kiasan: Analisis makna. In Nor Hashimah Jalaluddin (Eds.), *Semantik dan interpretasi* (171-210). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hilda Khoirun Nisa, Tati Sri Uswati & Itaristanti Itaristanti. (2020). Kesantunan berbahasa pada peribahasa Indonesia bermakna sindiran: Kajian pragmatik. *HUMANIKA*, 27(1), 44-58.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. [https://www.moe.gov.my/index.php/dasar menu/falsafah-pendidikan-kebangsaan](https://www.moe.gov.my/index.php/dasar%20menu/falsafah-pendidikan-kebangsaan)
- Martin, G. H. (2017). Proverbs. *Journal of the Evangelical Theological Society*, 60(3), 619-621.
- Mary Fatimah Subet, & Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2017, Ogos). *Semantik dan makna konotasi dalam slang pelacur*. Paper session presented at The International Conference on Language Studies (iCLS) 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel) .
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slang pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(1), 29-43.
- Mohd Haidi bin Mohd Kasran. (2016, April 28). Nilai patriotisme dalam kurikulum bahasa Malaysia sekolah rendah: Analisis terhadap peribahasa Melayu. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru*, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu.
- Mohd Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin & Abdul Razaq Ahmad (2016). Mesej perpaduan dalam buku teks Bahasa Malaysia tingkatan 4 dan 5: Analisis terhadap peribahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 44-52.
- Mohd Ridzuan Md Nasir. (2020). *Memahami asal-usul peribahasa Melayu*. Menhaji Resources.
- Mohd. Tajuddin Hj. Abd Rahman. (2017). *Kamus Peribahasa* (4th ed.). Kuala Lumpur, Malaysia: Oxford Fajar.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36- 42.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019c, Oktober). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 39(1).
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.

- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap, & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(2), 1-7.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif*. [Unpublihed final year project] Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal*, 3(3), 43-52.
- Muhammad Zaid Daud. (2018d). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-21.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. [Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak].
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. *Jurnal Pendidikan Teknik dan Vokasional*. 1(2). 22-32.
- Nurul Aida Abdullah, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61-79.
- Nurul Hasna Hassan, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Ahmad Arifin Sapar & Zawawi Ismail. (2019). Kemahiran berfikir kritis dalam buku teks Bahasa Melayu kurikulum standard sekolah rendah tahap ii. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(1), 18-29.
- Panji Setyo Wiguno. (2017). Efek persuasi peribahasa serta implementasi pembelajarannya di SMA. *Transformatika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 1(1), 90-105.
- Robiah Kulop Hamzah. (2011). *Nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosita Fatma. (2018). *Tuturan kiasan tentang organ dan anggota tubuh manusia dalam buku peribahasa minangkabau karya anas navis 1996 tinjauan semantik dan pragmatik*. [Tesis Doktor Falsafah, Universitas Andalas].
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020a). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Srikandi Saemah Samaon, & Mary Fatimah Subet. (2020b). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.

- Suhainee Sa-ah. (2020). Kajian etnolinguistik terhadap peribahasa dalam bahasa Thailand. *SENASBASA*, 4(1), 92-105.
- Suzieyiana Ritos, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018a). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018b). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej Katak (துவளை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4(1), 31-41.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (யானை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud (2019b). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019c). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage (IJCFH)*, 7(1). 70-88.
- Vayntrub, J. (2016). The book of Proverbs and the idea of ancient Israelite education. *Zeitschrift für die alttestamentliche Wissenschaft*, 128(1), 96-114.
- Wilson, L. (2018). *Proverbs: An Introduction and Commentary*. InterVarsity Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011a). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan Nilai*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011b). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Zamri Mahamod, Mahidin Awang Itam, Afendi Hamat (2016). Sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 17-30.